



**POLISI PENGURUSAN
PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN**

Disediakan oleh:
Unit Integriti
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (*Department of Veterinary Services - DVS*) telah dapat membangunkan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan DVS. Pembangunan polisi ini merupakan usaha berterusan Jabatan untuk memperkukuh dan membudayakan perkhidmatan yang berintegriti dan berkualiti.

Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024 - 2028 telah mengenal pasti percanggahan kepentingan sebagai salah satu faktor utama berlakunya amalan rasuah. Warga DVS tidak seharusnya membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menyebabkan suatu tindakan atau keputusan tidak dapat dibuat secara objektif, telus atau adil.

Justeru, Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini dibangunkan sebagai panduan kepada warga DVS berhubung prinsip dan tatacara yang perlu dilaksanakan untuk mengelakkan daripada berlakunya percanggahan kepentingan serta mencegah amalan rasuah dan salah guna kuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada Jabatan.

Saya menyeru agar Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan DVS ini dapat dipatuhi, dihayati, dan menjadi rujukan oleh semua warga DVS agar Jabatan ini mempunyai proses kerja yang berpaksikan kepada ketelusan dan integriti. Adalah diharapkan juga dengan pelaksanaan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan DVS ini akan dapat memperkukuhkan dan memperkemaskan tatakelola di Jabatan ini selaras dengan hasrat nasional.

Sekian, terima kasih.

Dr. Akma binti Ngah Hamid
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Pemakaian	1
4.	Takrifan	2
5.	Pernyataan Dasar	5
6.	Pengisytiharan Kepentingan	6
7.	Percanggahan Kepentingan oleh Anggota Pentadbiran	7
8.	Pematuhan	7
9.	Pertanyaan dan Pelaporan	8
10.	Penutup	8
11.	Tarikh Kuat Kuasa	9
12.	Rujukan	10
13.	Lampiran	11

1. PENDAHULUAN

Setiap penjawat awam yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (*Department of Veterinary Services - DVS*) dituntut untuk melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan tanggungjawab selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkemas dan memperkukuh usaha pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia. Ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, warga DVS mungkin berada di dalam situasi percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) yang menyebabkan suatu tindakan atau keputusan tidak dapat dibuat secara objektif, telus atau adil. Sehubungan dengan itu, Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini dibangunkan sebagai panduan kepada warga DVS untuk mengelakkan daripada berlakunya percanggahan kepentingan serta mencegah amalan rasuah.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk memberikan panduan kepada warga DVS dalam menguruskan isu percanggahan kepentingan semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi di Jabatan.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga DVS. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, syarikat, rakan niaga, individu atau organisasi yang berurusan dengan DVS.

4. TAKRIFAN

Percanggahan kepentingan

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai telah membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam atau menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri, saudara atau sekutu.

Warga DVS

Merujuk kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di DVS sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Saudara dan sekutu

Merujuk kepada tafsiran “saudara” dan “sekutu” di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] seperti berikut:

“saudara”, berhubungan dengan seseorang, ertinya –

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- (h) menantu orang itu.

“sekutu”, berhubungan dengan seseorang, ertinya –

- (a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- (b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- (c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- (d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian *Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- (e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika -
 - (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

Ketua Jabatan

Seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu Kementerian, Jabatan, Institusi, Agensi atau Unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi Kementerian, Jabatan, Institusi, Agensi atau Unit untuk bertindak bagi pihaknya.

Anggota Pentadbiran

Merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

Berhubung dengan Persekutuan, ertinya seseorang yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik dan, berhubung dengan sesuatu Negeri, ertinya seseorang yang memegang sesuatu jawatan yang bersamaan di dalam Negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (selain anggota kerana jawatan).

Pihak ketiga

Kontraktor, syarikat, vendor, pembekal, organisasi, persatuan, individu atau mana-mana pihak yang berurusan dengan DVS.

5. PERNYATAAN DASAR

- 5.1 DVS berpendirian teguh dalam memastikan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik sentiasa diutamakan dan menjadi pegangan asas supaya semua warga DVS mempunyai nilai integriti yang tinggi seterusnya memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang.
- 5.2 Semua warga DVS perlu dalam setiap masa mengelakkan diri daripada terlibat di dalam situasi percanggahan/konflik kepentingan. Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, warga DVS adalah **DILARANG** untuk:
- i. mempunyai **kepentingan peribadi atau kewangan** dengan mana-mana pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi di DVS;
 - ii. menyalurkan apa-apa **maklumat terperingkat** berkaitan DVS tanpa kebenaran yang membolehkan mana-mana pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di DVS;
 - iii. menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan **akaun peribadi, akaun saudara dan sekutunya atau akaun syarikat saudara dan sekutunya** dengan mana-mana pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di DVS;
 - iv. menerima **yuran, komisen atau apa-apa barangan bernilai** daripada mana-mana pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di DVS; dan
 - v. menggunakan **kedudukan rasmi** untuk mengembangkan kemajuan kerjaya atau lain-lain kepentingan saudara dan sekutunya di DVS.

6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

- 6.1 Warga DVS yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana **proses kerja hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan dengan merujuk kepada Borang seperti di Lampiran.
- 6.2 Ketua Jabatan **hendaklah menggantikan** mana-mana warga DVS yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam **proses kerja** tersebut.
- 6.3 Urus setia bagi **mesyuarat** yang berpotensi melibatkan percanggahan kepentingan perlu memastikan semua ahli mesyuarat menandatangani *integrity pack* atau borang pengisytiharan kepentingan sebelum mesyuarat bermula.
- 6.4 Warga DVS yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat **membuat keputusan** dalam mana-mana **mesyuarat hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya dengan mengisi borang pengisytiharan kepentingan serta **meninggalkan mesyuarat** tersebut.
- 6.5 Urus setia mesyuarat **hendaklah merekodkan** pengisytiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan mesyuarat dalam minit mesyuarat.
- 6.6 Sekiranya pengerusi mesyuarat mengisytiharkan kepentingannya, mesyuarat tersebut perlu dipengerusikan oleh pegawai yang paling kanan dalam mesyuarat tersebut sebagai pengerusi ganti. Mesyuarat tersebut perlu ditangguhkan sekiranya tiada pegawai bersesuaian yang boleh menggantikan untuk mempengerusikan mesyuarat.

7. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN

- 7.1 Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen **hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan** antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen selaku Kerajaan.
- 7.2 Anggota Pentadbiran **hendaklah mengisytiharkan** kepentingan mereka sekiranya dalam menjalankan tugas-tugas rasmi, mereka berhadapan dengan kepentingan peribadi yang bercanggah dengan kepentingan awam.

8. PEMATUHAN

- 8.1 Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang, peraturan, pekeliling, garis panduan dan arahan berkaitan yang berkuat kuasa.
- 8.2 Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini tidak menggantikan mana-mana proses pengisytiharan kepentingan yang telah dan sedang berkuat kuasa di bawah sebarang undang-undang, peraturan, pekeliling, garis panduan dan arahan.
- 8.3 Kegagalan atau keengganan warga DVS mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 8.4 Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, SPRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mana-mana Badan Pengawal berkaitan untuk tindakan.

9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN


Sebarang pertanyaan atau pelaporan berhubung pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Blok Podium, Lot 4G1
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Unit Integriti)

Alamat e-mel: integriti@dvs.gov.my Telefon: 03-8870 1264 / 1217

10. PENUTUP

Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini hendaklah menjadi rujukan dan panduan kepada warga DVS dalam menguruskan isu percanggahan kepentingan semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi di Jabatan bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan DVS dilaksanakan dengan penuh integriti, telus dan adil.



**PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

.....
ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR (INTEGRITI)
BIL. 1 TAHUN 2024
.....

**POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

Polisi ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam menguruskan isu percanggahan kepentingan semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi di Jabatan agar penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti.

2. Melalui Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini, diharapkan agar warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan berintegriti sekaligus memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang cemerlang.

3. Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini berkuat kuasa mulai dari tarikh polisi ini dikeluarkan.

Bertarikh: 21 Oktober 2024

(DR. AKMA BINTI NGAH HAMID)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

RUJUKAN

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
2. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*].
3. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A) 395/1993*].
4. Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen. Jabatan Perdana Menteri, 2018.



BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

Saya, nombor kad pengenalan
..... daripada Bahagian/Unit/DVS Negeri
..... adalah dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam
proses kerja/mesyuarat atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan
percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai kakitangan Jabatan
Perkhidmatan Veterinar. Butir-butir proses kerja atau perkara berkenaan dinyatakan
seperti berikut:

Individu/Syarikat/Organisasi bernama:.....

.....
adalah merupakan.....

(Sila nyatakan hubungan dengan individu/syarikat/organisasi di atas)

dan saya merupakan

.....
.....
(Sila nyatakan peranan pegawai dalam proses kerja atau perkara yang diuruskan)

Sehubungan itu, saya dengan ini memohon **penarikan diri atau dikecualikan**
daripada terlibat dalam apa-apa proses kerja/mesyuarat yang berkaitan dengan

.....
.....

(Sila nyatakan urusan terlibat)

Nama :

Jawatan/Gred :

No. Kad Pengenalan :

Tandatangan :

Tarikh :